

PENELITIAN TERHADAP TAHAP PENGETAHUAN DAN KESEDIAAN PENGGUNA DALAM MENERIMA PERLAKSANAAN SKIM PENSIJILAN HALAL MALAYSIA (SPHM) SECARA WAJIB DAN MENYELURUH

Knowledge and Readiness Analysis of Consumers to The Implementation of Mandatory Malaysia Halal Certification Scheme (MHCS)

Ibrahim bin Abu Bakar* & Sa'adan bin Man**

ABSTRAK

Malaysia telah melaksanakan Skim Pensijilan Halal Malaysia (SPHM) secara sukarela sejak lebih 46 tahun yang lalu. Pengalaman Malaysia yang panjang ini seharusnya dimanfaatkan untuk melonjakkan pelaksanaan SPHM daripada fasa sukarela kepada fasa wajib dan menyeluruh. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meneliti tahap pengetahuan dan kesediaan pengguna di Malaysia dalam menerima pelaksanaan SPHM secara wajib dan menyeluruh. Kajian ini telah dijalankan secara kuantitatif melibatkan pengguna di Malaysia yang dipilih secara rawak berstruktur. Data-data kajian telah dikumpul menggunakan borang soalselidik khusus dan dianalisa menggunakan perisian statistik SPSS 21.0 (Windows). Analisis diskriptif dan inferensi dilakukan terhadap semua data yang diperolehi mengikut parameter yang telah ditetapkan dan dipersembahkan dalam bentuk frekuensi, nilai purata dan kecenderungan memusat (min, sisihan piawai, median dan mod). Perbandingan terhadap dua parameter dilakukan menggunakan ujian khi kuasa dua manakala perbandingan antara tiga atau lebih parameter dilakukan menggunakan ujian ANOVA. Perbezaan data dikira bererti pada tahap keyakinan sebanyak 95% iaitu pada nilai kebarangkalian $p < 0.05$. Hasil kajian ini secara umumnya menunjukkan tahap kefahaman dan kesediaan pengguna berada pada tahap yang memuaskan iaitu pada tahap sederhana tinggi. Namun begitu secara terperinci terdapat perbezaan tahap kefahaman dan kesediaan secara bererti di kalangan pengguna di Malaysia terutamanya mengikut faktor bangsa dan agama. Tahap kefahaman dan kesediaan pengguna berbangsa Melayu dan beragama Islam adalah lebih tinggi berbanding dengan pengguna berbangsa lain yang tidak beragama Islam.

Kata kunci: Pengetahuan, Kesediaan, Pengguna, Sijil Halal.

PENDAHULUAN

Program Skim Pensijilan Halal Malaysia (SPHM) khususnya yang melibatkan pengeluaran makanan halal secara rasminya telah bermula di Malaysia pada tahun 1974. Program ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 168 yang bermaksud: *Wahai sekalian manusia! makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan, kerana sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh yang terang nyata bagi kamu.*

Perlaksanaan SPHM selama ini adalah bersifat sukarela sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) dan (Takrif Halal) 2011. Semua pengeluar atau penyedia makanan secara komersil selama ini tidak diwajibkan untuk mendapatkan pengesahan halal terhadap produk-produk makanan mereka atau perkhidmatan makanan mereka daripada pihak JAKIM atau MAIN/JAIN, sebaliknya mereka sangat digalakkan untuk memohon dan mendapatkan pensijilan tersebut. Pengalaman Malaysia dalam melaksanakan program SPHM selama hampir 46 tahun dilihat sebagai satu kekuatan yang mampu melonjakkan tahap pematuhan penghasilan makanan halal ke satu tahap yang lebih tinggi. Perlaksanaan program SPHM yang kini bersifat sukarela perlu diusulkan menjadi wajib dan dilaksanakan dengan lebih menyeluruh melibatkan semua aspek pengeluaran/pengilangan makanan, penyediaan makanan, pengimportan makanan dan apa sahaja peringkat penghasilan makanan daripada 'peringkat ladang sehingga ke meja makan'. Ia juga seharusnya melibatkan semua kategori premis makanan di seluruh negara sama ada bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar serta melibatkan pengusaha berbagai bangsa dan agama.

* Calon PhD, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, UM, Pensyarah Jabatan Pemakanan, Kulliyah Sains Kesihatan Bersekutu, UIAM Kuantan dan INHART IIUM. iab@iium.edu.my.

** Prof. Madya. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, UM. saadan@um.edu.my.

Beberapa persoalan timbul daripada usul ini, iaitu; (1) adakah pengguna atau masyarakat umum di Malaysia secara keseluruhannya telah benar-benar memahami persoalan-persoalan berkaitan makanan halal?, (2) adakah pengguna atau masyarakat umum di Malaysia secara keseluruhannya telah bersedia menerima pelaksanaan SPHM secara wajib dan menyeluruh?, (3) adakah masyarakat bukan Islam di Malaysia telah bersedia menerima pelaksanaan SPHM secara wajib dan menyeluruh? dan (4) adakah program pendidikan tentang makanan halal ke atas masyarakat secara keseluruhannya sudah mencukupi sebelum pelaksanaan SPHM secara wajib dan menyeluruh?.

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meneliti tahap kefahaman dan kesediaan pengguna di Malaysia meliputi semua bangsa dan agama terhadap cadangan pelaksanaan SPHM secara wajib dan menyeluruh.

SOROTAN LITERATUR

Tahap kefahaman masyarakat Malaysia terhadap makanan halal, keperluan pemilihan makanan halal dalam amalan pemakanan seharian serta kebaikan-kebaikannya telah dikaji oleh ramai penyelidik. Nor Aini Haji Idris dan Mohd Ali Mohd Noor (2013) mendapati tahap kefahaman masyarakat Islam di Malaysia berada pada tahap yang sangat baik iaitu melebihi paras lulus (markah melebihi 50.0%). Kajian ini agak lama untuk menilai tahap kefahaman semasa masyarakat Malaysia terhadap SPHM di mana dalam tempoh sembilan tahun pastinya banyak perkembangan dan perubahan yang berlaku. Zaimah et al. (2014) pula mendapati tahap kefahaman masyarakat Malaysia terhadap maksud sebenar makanan halal dan amalan pemakanan halal adalah pada tahap yang tinggi. Namun begitu kajian ini hanya melibatkan responden yang sangat sedikit (n=40) untuk mewakili masyarakat Malaysia dan data demografinya juga kurang jelas. Kajian yang dijalankan oleh Siti Fatimah Hamidon (2016) terhadap 100 orang responden di kawasan Sungai Besar, Selangor mendapati bahawa kesedaran pengguna masih di peringkat sederhana. Antara faktor yang mempengaruhi keadaan ini adalah masalah penyampaian maklumat yang kurang jelas dan taraf pendidikan penduduk kawasan tersebut yang lebih rendah. Kajian yang dijalankan oleh Siti Fatimah Hamidon (2016) hanya melibatkan responden yang beragama Islam sahaja. Bennet et al. (2017) seterusnya mendapati majoriti masyarakat Malaysia baik Muslim atau non-Muslim memahami konsep makanan halal dan makanan halal sudah mula menjadi pilihan kebanyakan masyarakat Malaysia. Kajian terkini yang dijalankan oleh Noraishah P Othman et al. (2020) ke atas 154 orang mahasiswa Universiti Teknologi Mara Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang (responden berumur kurang daripada 23 tahun) menunjukkan responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi tentang konsep halal dan responden juga cakna akan kepentingan memilih produk makanan yang halal dan toyyiban.

Daripada saringan literatur di atas bolehlah dikatakan bahawa terdapat beberapa kajian yang dijalankan oleh beberapa penyelidik terhadap tahap kefahaman dan penerimaan masyarakat Malaysia terhadap SPHM di mana secara umumnya bolehlah dikatakan bahawa tahap kefahaman dan penerimaan beberapa segmen pengguna di Malaysia terhadap SPHM berada pada tahap yang sederhana dan tinggi. Penyelidik mendapati kebanyakan kajian yang dijalankan melibatkan bilangan responden yang sedikit, kurang berstruktur, hanya mewakili segmen pengguna yang tertentu dan tidak menyeluruh untuk mewakili populasi masyarakat Malaysia. Penyelidik juga tidak menemui kajian ke atas pengguna di Malaysia tentang tahap penerimaan masyarakat Malaysia secara keseluruhannya terhadap pelaksanaan SPHM secara wajib dan menyeluruh.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif melibatkan pengguna di seluruh Malaysia yang dipilih secara rawak berstruktur meliputi semua kumpulan pengguna di negeri dan zon serta meliputi semua bangsa dan agama utama. Data-data kajian dikumpul menggunakan borang soal selidik khusus dan dianalisa menggunakan perisian statistik SPSS 21.0 (Windows). Analisis diskriptif dan inferensi dilakukan terhadap semua data yang diperolehi mengikut parameter yang telah ditetapkan dan dipersembahkan dalam bentuk frekuensi, nilai purata dan kecenderungan memusat (min, sisihan piawai, median dan mod). Perbandingan terhadap dua parameter dilakukan menggunakan ujian khi kuasa dua manakala

perbandingan antara tiga atau lebih parameter dilakukan menggunakan ujian ANOVA. Perbezaan data dikira bererti pada tahap keyakinan sebanyak 95% iaitu pada nilai kebarangkalian $p < 0.05$. Dapatan kajian seterusnya dibahaskan bagi melihat hasil kajian secara objektif.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Responden dan Faktor Demografi

Dalam kajian ini seramai 875 orang responden telah melibatkan diri dengan menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut negeri dan zon-zon di Malaysia di mana bilangan responden dalam kajian ini didapati mencukupi bagi mewakili populasi pengguna di Malaysia dan taburannya adalah seimbang (bertabur secara normal) mengikut negeri (Rajah 1) dan zon-zon (Rajah 2) di Malaysia.


Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Negeri dan Zon-Zon di Malaysia

Negeri	Bilangan Responden	%	Zon Semenanjung Malaysia	Bilangan Responden	%
Perlis	32	3.7	Utara	165	18.9
Kedah	43	4.9			
Pulau Pinang	41	4.7			
Perak	49	5.6			
Selangor	149	17.0	Tengah	203	23.2
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	54	6.2			
Melaka	34	3.9	Selatan	141	16.1
Negeri Sembilan	36	4.1			
Johor	71	8.1			
Pahang	158	18.1	Timur	262	29.9
Terengganu	56	6.4			
Kelantan	48	5.5	Sabah & Sarawak	104	11.9
Sabah	59	6.7			
Sarawak	45	5.1			
Jumlah	875	100.0	Jumlah	875	100.0

Rajah 1: Taburan Responden Mengikut Negeri




Rajah 2: Taburan Responden Mengikut Zon



Rajah 3 menunjukkan pecahan responden mengikut jantina manakala Jadual 2 menunjukkan maklumat berkaitan umur responden.

Rajah 3: Pecahan Responden Mengikut Jantina



Jadual 2: Maklumat Berkaitan Umur Responden

	Umur Responden (Tahun)
Minimum	17
Maksimum	81
Mean±SD	35.8±14.1
Median	33
Mod	22

Berdasarkan Jadual 2, julat umur responden adalah sangat luas iaitu antara 17-81 tahun yang menggambarkan liputan peringkat umur responden yang sangat besar. Purata (mean) umur responden iaitu 35.8 tahun beserta nilai median dan mod umur responden yang masing-masing 33 dan 22 tahun pula menunjukkan tahap umur responden yang cukup matang untuk memberikan maklum balas atau menjawab soalan-soalan kaji selidik ini.


Jadual 3 pula menunjukkan agihan responden mengikut bangsa, agama dan kategori muslim dan non-muslim. Daripada Jadual 3 didapati bilangan responden bagi etnik Sabah, etnik Sarawak serta responden yang tiada agama adalah terlalu kecil iaitu di bawah sepuluh orang. Dalam keadaan-keadaan tertentu, responden-responden tersebut perlu diabaikan terutamanya apabila membuat analisis statistik kerana ia akan mempengaruhi keertian (significan) sesuatu perbandingan bagi pembolehubah yang diuji.

Jadual 3: Agihan Responden Mengikut Bangsa dan Agama

		Bilangan Responden	
		Bilangan Responden	%
Bangsa	Melayu	525	60.0
	Cina	246	28.1
	India	88	10.1
	Etnik Sabah	9	1.0
	Etnik Sarawak	7	0.8
Agama	Islam	529	60.5
	Budha	74	8.5
	Kristian	177	20.2
	Hindu	86	9.8
	Tiada Agama	9	1.0
Kategori Muslim/Non-Muslim	Muslim	529	60.5
	Non-Muslim	346	39.5

Rajah 4 menunjukkan agihan responden yang lebih jelas mengikut kategori muslim dan non-muslim.

Rajah 4: Agihan Responden Mengikut Kategori Muslim dan Non-Muslim



Jadual 4 menunjukkan taburan responden mengikut status perkahwinan, tahap pendidikan, status pekerjaan atau pengajian semasa serta keahlian di dalam persatuan pengguna.

Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan, Tahap Pendidikan, Status Pekerjaan atau Pengajian Semasa Serta Keahlian Persatuan Pengguna.

		Bilangan Responden	
		Bilangan Responden	%
Status Perkahwinan	Bujang	398	45.5
	Berkahwin	433	49.5
	Janda / Duda	44	5.0
Tahap pendidikan	Sekolah Rendah	6	0.7
	Sekolah Menengah	147	16.8
	Diploma	119	13.6
	Ijazah Pertama	498	56.9
	Ijazah Kedua	74	8.5
	Ijazah Ketiga	31	3.5
Status Pekerjaan atau Pengajian Semasa	Bekerja Sendiri	188	21.5
	Bekerja dengan Kerajaan	145	16.6
	Bekerja dengan Pihak Swasta	229	26.2
	Pelajar IPT	199	22.7
	Pesara	28	3.2
	Surirumah	37	4.2
	Usahawan Makanan	49	5.6
Keahlian Persatuan Pengguna	Ya	108	12.3
	Tidak	767	87.7

Taburan responden mengikut semua parameter yang diukur dalam kajian ini bertabur secara normal sebagaimana yang diuji menggunakan ujian Kolmogorov-Smirnova dan ujian Shapiro-Wilk dan ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Ujian Taburan Normal Terhadap Responden Mengikut Parameter yang Diuji

Ujian Taburan Normal	Ujian Kolmogorov-Smirnova			Ujian Shapiro-Wilk		
	Statistik	df	Sig.	Statistik	df	Sig.
Zon	0.21	875	0.00	0.89	875	0.00
Negeri	0.14	875	0.00	0.95	875	0.00
Jantina	0.39	875	0.00	0.62	875	0.00
Bangsa	0.36	875	0.00	0.70	875	0.00
Agama	0.37	875	0.00	0.72	875	0.00
Muslim / Non-Muslim	0.39	875	0.00	0.62	875	0.00
Umur	0.14	875	0.00	0.90	875	0.00
Status Perkahwinan	0.32	875	0.00	0.73	875	0.00
Tahap Pendidikan	0.32	875	0.00	0.84	875	0.00
Status Peerjaan dan Pengajian Semasa	0.22	875	0.00	0.89	875	0.00

Nota: Sig. <0.05 menunjukkan taburan responden secara normal.

Markah Kefahaman Responden

Jadual 6 menunjukkan markah yang diperolehi oleh responden selepas menjawab soalan-soalan kefahaman dalam borang soal selidik.

Jadual 6: Maklumat Berkaitan Markah Kefahaman Responden

	Markah Kefahaman (%)
Minimum	38
Maksimum	100
Julat	62
Mean±SD	75.4±14.3
Median	80
Mod	88

Daripada Jadual 6 didapati purata (mean) markah yang diperolehi oleh responden ialah 75.4% iaitu tahap markah yang sederhana tinggi. Markah paling rendah ialah 38% manakala markah paling tinggi ialah 100%. Tahap markah yang sederhana tinggi di kalangan responden juga ditunjukkan oleh nilai median (80%) dan mod (88%). Jadual 7 menunjukkan ringkasan nilai P dan nilai Eta Kuasa Dua bagi markah tahap kefahaman responden mengikut faktor pembolehubah yang diukur. Nilai P ialah ukuran perbezaan sama ada bererti ataupun tidak bagi pembolehubah yang diukur manakala nilai Eta Kuasa Dua pula menunjukkan nilai kesan pembolehubah tersebut keatas nilai ukuran keseluruhan yang diperolehi. Daripada Jadual tersebut didapati hanya markah responden mengikut faktor jantina sahaja yang tidak berbeza secara bererti manakala markah-markah responden mengikut faktor-faktor lain semuanya berbeza secara bererti. Dari segi kesan pembolehubah pula, didapati faktor zon, jantina, status perkahwinan dan keahlian dalam persatuan pengguna memberikan kesan yang kecil terhadap perbezaan markah kefahaman responden, faktor negeri, tahap pendidikan dan status pekerjaan atau pengajian semasa memberikan kesan yang sederhana besar kepada perbezaan markah kefahaman responden manakala faktor bangsa, agama dan kategori muslim/non-muslim memberikan kesan yang besar terhadap perbezaan markah kefahaman responden.

Jadual 7: Ringkasan Nilai P dan Nilai Eta Kuasa Dua bagi Markah Tahap Kefahaman Responden Mengikut Faktor Pemboleh Ubah yang Diukur

Faktor Pembolehubah	Nilai P	Nilai Eta Kuasa Dua
Negeri	0.00 ^a	0.08**
Zon	0.00 ^a	0.04*
Jantina	0.40 ^b	0.01*
Bangsa	0.00 ^a	0.62***
Agama	0.00 ^a	0.61***
Kategori Muslim/Non-Muslim	0.00 ^a	0.61***
Status Perkahwinan	0.00 ^a	0.14*
Tahap Pendidikan	0.00 ^a	0.08**
Status Pekerjaan atau Pengajian Semasa	0.00 ^a	0.21**
Keahlian di dalam Persatuan Pengguna	0.00 ^a	0.03*

Nota: ^a bermaksud terdapat perbezaan yang bererti pada $P < 0.05$, ^b bermaksud tidak terdapat perbezaan yang bererti pada $P \geq 0.05$, * bermaksud kesan pembolehubah adalah kecil, ** bermaksud kesan pembolehubah adalah sederhana dan *** bermaksud kesan pembolehubah adalah besar.


Jadual seterusnya menunjukkan hubungan antara umur dengan tahap kefahaman responden di mana terdapat hubungan yang bererti dan berkadar lurus secara positif (*positif linear correlation*). Ia bermaksud semakin meningkat umur responden semakin tinggi tahap kefahamannya dalam hal-hal yang berkaitan dengan hukum halal/haram sesuatu makanan. Jadual tersebut juga menunjukkan kekuatan hubungan (*correlation coefficient*) di antara umur dan tahap kefahaman di mana kekuatan tersebut tidaklah terlalu besar iaitu sebanyak 27% sahaja.

Jadual 7: Hubungan Antara Umur dan Tahap Kefahaman Responden

Hubungan	Sig.	Correlation Coefficient
Umur dan Tahap Kefahaman	0.00	0.27

Rajah 5 di bawah menunjukkan taburan markah kefahaman di kalangan responden mengikut bangsa. Daripada Rajah 5 didapati bangsa Melayu mempunyai julat perbezaan markah yang lebih kecil di kalangan mereka (antara markah 66-100% atau perbezaan jarak markah sebanyak 44%) berbanding bangsa Cina (perbezaan sebanyak 50%) dan India (juga perbezaan sebanyak 50%). Etnik Sabah dan Sarawak perlu diabaikan dalam kajian ini kerana walaupun kedua-duanya mempunyai julat perbezaan markah yang kecil iaitu masing-masing sebanyak 38% dan 28%, namun ia telah dipengaruhi oleh bilangan responden yang terlalu kecil iaitu masing-masing sebanyak sembilan dan tujuh orang sahaja. Ini bermakna perbezaan kefahaman di kalangan bangsa Melayu adalah lebih kecil berbanding dengan bangsa-bangsa lain. Rajah 5 juga menunjukkan nilai median markah bagi responden bangsa Melayu adalah lebih tinggi iaitu markah sebanyak 86% berbanding dengan median markah bagi bangsa Cina (62%) dan India (58%). Keadaan ini pula menunjukkan kebanyakan (melebihi 50%) responden berbangsa Melayu mendapat markah yang lebih tinggi berbanding dengan responden daripada bangsa Cina dan India. Ini juga bermaksud tahap kefahaman sebahagian besar responden berbangsa Melayu adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap kefahaman bangsa-bangsa lain.

Rajah 5: Taburan Markah Kefahaman Responden Mengikut Bangsa



Jadual 8 meringkaskan hasil analisis terhadap markah kefahaman yang diperolehi oleh responden mengikut faktor bangsa.


Jadual 8: Hasil Analisis Terhadap Markah Kefahaman Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	N	Min	Mak	Julat	Mean	SD	Median	Nilai P	Nilai Eta Kuasa Dua
Melayu	525	60	100	40	86.0 ^a	7.3	86.0	0.00	0.62
Cina	246	38	88	50	62.0 ^c	10.5	62.0		
India	88	38	88	50	58.0 ^c	11.7	58.0		
Etnik Sabah	9	52	90	38	84.0 ^a	12.5	84.0		
Etnik Sarawak	7	60	88	28	64.0 ^b	9.7	64.0		
Jumlah	875	38	100	62	80.0	14.3	80.0		

Nota: huruf yang sama bagi lajur mean menunjukkan terdapat perbezaan yang bererti pada $P < 0.05$, mana huruf yang berbeza bagi lajur mean menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang bererti pada $P < 0.05$.


Rajah 6 pula menunjukkan taburan markah kefahaman di kalangan responden mengikut agama. Daripada Rajah 6 didapati responden beragama Islam mempunyai julat perbezaan markah di kalangan mereka yang lebih kecil (antara markah 66-100% atau perbezaan jarak markah sebanyak 34%) berbanding responden beragama Kristian (perbezaan sebanyak 42%), Budha (perbezaan sebanyak 50%) dan Hindu (perbezaan juga sebanyak 50%). Julat perbezaan markah responden yang tiada agama adalah kecil (perbezaan sebanyak 50%) namun ia dipengaruhi oleh bilangannya yang kecil iaitu seramai sembilan orang. Ini bermakna perbezaan kefahaman di kalangan responden yang beragama Islam juga lebih kecil berbanding dengan responden yang beragama lain. Median markah bagi responden beragama Islam juga didapati lebih tinggi (markah 86%) berbanding dengan median markah bagi responden beragama Kristian (markah 62%), Budha (markah 62%) dan Hindu (markah 58%). Keadaan ini menunjukkan kebanyakan (melebihi 50%) responden beragama Islam mendapat markah yang lebih tinggi berbanding dengan responden beragama lain. Ini juga bermaksud tahap kefahaman sebahagian besar responden beragama Islam adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap kefahaman responden beragama lain.

Rajah 6: Taburan Markah Kefahaman Responden Mengikut Agama



Rajah 7 lebih jelas menunjukkan julat perbezaan markah di kalangan responden muslim adalah lebih kecil (antara markah 66-100% atau perbezaan jarak markah sebanyak 44%) berbanding julat perbezaan markah responden non-muslim (antara markah 38-88% atau perbezaan jarak markah sebanyak 50%). Ini bermaksud perbezaan kefahaman di kalangan responden muslim adalah lebih kecil berbanding dengan responden non-muslim. Median markah bagi responden muslim iaitu markah sebanyak 86% juga didapati lebih tinggi berbanding dengan median markah bagi responden non-muslim iaitu markah sebanyak 60%. Keadaan ini menunjukkan kebanyakan (lebih 50%) responden muslim mendapat markah yang lebih tinggi berbanding dengan responden non-muslim. Ia juga bermaksud tahap kefahaman sebahagian besar responden muslim adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap kefahaman responden non-muslim.

Rajah: 7: Taburan Markah Kefahaman Responden Mengikut Kategori Muslim dan Non-Muslim



Analisis Jawapan Responden

Jadual 8 di bawah adalah senarai jawapan-jawapan yang tidak tepat mengikut peratusan paling tinggi.

Jadual 8: Senarai Jawapan Tidak Tepat Mengikut Peratusan Paling Tinggi

No. Soalan	Soalan	Jawapan Tidak Tepat (%)	Ulasan
1.iii	Perintah memakan makanan halal adalah untuk orang-orang Islam sahaja.	71.5	Kefahaman asas
10.iv	Enzyme yang diekstrak daripada darah binatang yang halal dan disembelih mengikut hukum syarak adalah halal untuk digunakan dalam pembuatan makanan.	56.5	Kefahaman teknikal / aras tinggi
1.i	Makanan halal ialah makanan yang tidak mengandungi daging babi (pork free) sahaja.	48.7	Kefahaman asas
5.ii	Alkohol yang diperolehi bukan daripada arak halal digunakan.	42.4	Kefahaman teknikal / aras tinggi
10.ii	Protein yang diekstrak daripada bulu ayam yang disembelih mengikut hukum syarak haram digunakan.	40.3	Kefahaman teknikal / aras tinggi
9.iv	Penggunaan peralatan yang tidak bersih tidak mempengaruhi status makanan halal.	40.1	Kefahaman asas
1.v	Makanan syubhah ialah makanan yang sudah dapat dipastikan status halal atau haramnya	39.7	Kefahaman asas
9.v	Minuman ringan dalam tin boleh disimpan di dalam peti sejuk yang sama yang menyimpan arak.	39.3	Kefahaman teknikal / aras tinggi
7.iii	Makanan yang mengandungi probiotik daripada sumber yang kurang jelas kehalalannya halal dimakan.	37.9	Kefahaman teknikal / aras tinggi
8.iv	Arak adalah najis Mughallazah.	36.8	Kefahaman teknikal / aras tinggi

Daripada Jadual 8 didapati ketidak-tepatan jawapan yang diberikan oleh responden, bukan hanya melibatkan soalan kefahaman teknikal / aras tinggi sahaja tetapi juga meliputi persoalan-persoalan kefahaman asas berkenaan hukum halal / haram ke atas makanan.

Jadual 4.9 menunjukkan peratusan responden mengikut kategori muslim dan non-muslim (Kristian, Budha dan Hindu) yang menjawab soalan secara tidak tepat.

Jadual 9: Peratusan Responden Mengikut Kategori Muslim dan Non-Muslim yang Menjawab Soalan Secara Tidak Tepat.

Soalan	Muslim	Non-Muslim			Jumlah Jawapan Tidak Tepat (%)
	Islam (%)	Kristian (%)	Budha (%)	Hindu (%)	
1.iii	68.6*	83.8*	76.3*	73.3*	71.5
10.iv	49.5*	64.9*	65.0*	73.3*	56.5
1.i	26.7	82.4*	76.8*	96.5*	48.7
5.ii	37.6	68.9*	40.7*	47.7*	42.4
10.ii	25.3	67.6*	61.0*	67.4*	40.3
9.iv	35.9	51.4*	46.9*	44.2*	40.1
1.v	21.7	71.6*	65.0*	69.8*	39.7
9.v	42.9*	36.5	33.9	32.6	39.3
7.iii	15.7	73.0*	71.2*	77.9*	37.9
8.iv	29.9	52.7*	45.8*	46.5*	36.8

Nota: * menunjukkan jawapan tidak tepat melebihi 40%.

Daripada Jadual 9 didapati responden beragama Islam paling ramai tidak memahami dengan tepat (menjawab tidak tepat melebihi 40%) persoalan asas dalam soalan 1.iii (perintah memakan makanan halal adalah untuk orang-orang Islam sahaja), manakala bagi soalan kefahaman teknikal aras tinggi, paling ramai tidak memahami dengan tepat persoalan dalam soalan 10.iv (enzyme yang diekstrak daripada darah binatang yang halal dan disembelih mengikut hukum syarak adalah halal untuk digunakan dalam pembuatan makanan), 9.v (minuman ringan dalam tin boleh disimpan di dalam peti sejuk yang sama yang menyimpan arak) dan 5.ii (alkohol yang diperolehi bukan daripada arak halal digunakan). Responden non-muslim termasuk yang beragama Kristian, Budha dan Hindu pula paling ramai tidak memahami dengan tepat (menjawab tidak tepat melebihi 40%) hampir

keseluruhan persoalan dalam soalan-soalan di atas kecuali soalan 9.v. Bagi persoalan dalam soalan 9.v, masyarakat non-muslim mungkin sudah biasa dengan persoalan berkaitan pengasingan minuman arak dengan minuman ringgan yang halal.

Jadual 4.10 pula menunjukkan peratusan responden mengikut bangsa yang menjawab soalan secara tidak tepat.

Jadual 10: Peratusan responden mengikut Bangsa yang menjawab soalan secara tidak tepat.

Soalan	Melayu (%)	Cina (%)	India (%)	Jumlah Jawapan Tidak Tepat (%)
1.iii	68.8*	76.4*	72.7*	71.5
10.iv	49.5*	65.0*	73.9*	56.5
1.i	26.7	76.8*	95.5*	48.7
5.ii	37.9	48.4*	47.7*	42.4
10.ii	25.5	61.0*	65.9*	40.3
9.iv	36.0	47.6*	44.3*	40.1
1.v	21.7	65.9*	69.3*	39.7
9.v	42.7*	35.4	33.0	39.3
7.iii	15.8	69.5*	76.1*	37.9
8.iv	29.9	48.4*	45.5*	36.8

Nota: * menunjukkan jawapan tidak tepat melebihi 40%.

Daripada Jadual 10 didapati responden berbangsa Melayu, Cina dan India mengikut trend yang sama dengan responden muslim dan non-muslim (Jadual .9) di mana responden berbangsa Melayu paling ramai tidak memahami dengan tepat (menjawab tidak tepat melebihi 40%) persoalan asas dalam soalan 1.iii (perintah memakan makanan halal adalah untuk orang-orang Islam sahaja), manakala bagi soalan kefahaman teknikal aras tinggi, paling ramai tidak memahami dengan tepat persoalan dalam soalan 10.iv (enzyme yang diekstrak daripada darah binatang yang halal dan disembelih mengikut hukum syarak adalah halal untuk digunakan dalam pembuatan makanan), 9.v (minuman ringan dalam tin boleh disimpan di dalam peti sejuk yang sama yang menyimpan arak) dan 5.ii (alkohol yang diperolehi bukan daripada arak halal digunakan). Responden berbangsa Cina dan India pula paling ramai tidak memahami dengan tepat (menjawab tidak tepat melebihi 40%) hampir keseluruhan persoalan dalam soalan-soalan di atas kecuali soalan 9.v.

PENUTUP

Kajian ini melibatkan bilangan responden yang besar dan lebih daripada mencukupi bagi mewakili kumpulan pengguna di Malaysia di mana ia bertabur secara seimbang mengikut semua parameter-parameter yang dikaji. Hasil kajian ini secara umumnya menunjukkan tahap kefahaman responden terhadap persoalan yang berkaitan dengan hukum halal-haram makanan adalah memuaskan iaitu pada tahap sederhana tinggi. Keadaan ini menunjukkan tahap kesediaan pengguna dalam menerima program SPHM dalam bentuk yang wajib dan lebih menyeluruh adalah secara umumnya tinggi. Namun begitu secara terperinci terdapat perbezaan tahap kefahaman dan kesediaan secara bererti di kalangan pengguna mengikut kebanyakan faktor-faktor demografi yang diukur di mana faktor bangsa dan agama adalah paling besar mempengaruhi perbezaan tahap kefahaman dan kesediaan pengguna di Malaysia. Tahap kefahaman dan kesediaan pengguna berbangsa Melayu adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap kefahaman dan kesediaan pengguna bangsa-bangsa lain. Kesalahan jawapan pengguna berkenaan hukum halal-haram makanan bukan hanya melibatkan soalan teknikal aras tinggi sahaja tetapi juga meliputi persoalan-persoalan kefahaman yang asas.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Akta Perihal Dagangan (APD) 2011.

Bennet, Gary and Mohamed Ismail, Risyawati (2017) Kajian terhadap keperluan dan pemahaman berkaitan produk makanan halal di Malaysia. In: Symposium on Technology Management & Logistics (STML–Go Green) 2016, 6th - 7th December 2016, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Malaysia.

Noraishah P Othman, Nur Najwa Hanani binti Abd Rahman, Mohammad Naqib bin Hamdan, Hussein ‘Azeemi bin Abdullah Thaidi (2020) Satu Tinjauan Tentang Kesedaran Halal Terhadap Mahasiswa UiTM Pasir Gudang, Johor, Prosiding Seminar 3rd International Seminar on Islam and Science 2020 (SAIS 2020) Covid-19: Implication, Impact and Solution, USIM, October 2020.

Nor Aini Haji Idris & Mohd Ali Mohd Noor (2013 Analisis Keprihatinan Pengguna Muslim Terhadap Isu Halal-Haram Produk Melalui Pembentukan Indeks, Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) “Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju”, Johor Bahru, 7–9Jun 2013.

Siti Fatimah Hamidon (2016). “Pandangan Pengguna Muslim Terhadap Pemakaian Logo Halal JAKIM: Kajian di Sungai Besar, Selangor,” (Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

Zaimah, R.1, Abd Hair Awang, Sarmila, M.S., Suraiya Ishak, Azima, A. M., Suhana Saad & Mohd Yusof Hussain (2014) Malaysia sebagai pusat halal global: Satu penemuan awal mengenai persepsi halal dalam kalangan pengguna di Malaysia, *Malaysian Journal of Society and Space*, 10, 48 - 56.

11th INTERNATIONAL SEMINAR ON CONTEMPORARY FIQH 2022
"Sustainability of Fiqh in Encountering Transformation and Challenges"



Jentative

11th INTERNATIONAL SEMINAR ON CONTEMPORARY FIQH 2022

"Sustainability of Fiqh in Encountering Transformation and Challenges"

Tentative

18 OCTOBER 2022 (TUESDAY)

8.00am – 9.00am	:	Registration and Arrival of Guests
9.00am – 9.05am	:	Welcoming Remarks Masters of Ceremony [Cube]
9.05am - 9.10am	:	Asma'ul Husna Recitation, Universiti Malaya Song and Quranic Recitation
9.10am – 9.20am	:	Welcoming Speech by Director of APIUM Profesor Dr Mohd Fauzi Hamat
9.20am - 9.30am	:	Welcoming Speech by Vice Chancellor of UM Profesor Dato' Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Syukor
9.30am – 9.55am	:	Officiating Address by Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) YB. Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary
9.55am – 10.00am	:	Presentation of token of appreciation to the Officiator and Photography Session
10.00am – 10.15am	:	Break and Refreshment
10.15am – 11.45am	:	Keynote Address 1 (Online in Cube@Balai Ilmu) Speaker: YBhg. Prof. Dr Muhammad al-Zuhayli Title: <i>الفقه الإسلامي واستيعاب المتغيرات والتحديات المعاصرة</i>
11.45am – 1.00pm	:	Keynote Address 2 (Physical in Cube@Balai Ilmu) Speaker: Y.Bhg. Prof Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Abd Majid Title: Sustainability of Fiqh in Encountering Transformation and Challenges
1.00pm – 2.00pm	:	Lunch and Zuhur Prayer
2.00pm – 3.00pm	:	Main Paper I Speaker: Y.Bhg S.S. Prof Madya Datuk Dr Luqman bin Haji Abdullah Title: Challenges of Fatwa Institutions in Dealing with Changes in Contemporary Fiqh
3.00pm – 5.00pm	:	Parallel Session [Cube, BS1,BS2, BS3, Moot Court]
5.00pm	:	Tea/Disperse

11th INTERNATIONAL SEMINAR ON CONTEMPORARY FIQH 2022
"Sustainability of Fiqh in Encountering Transformation and Challenges"

19 OCTOBER 2022 (WEDNESDAY)

- 9.00am – 10.00am : Main Paper II
Speaker: Associate Professor Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil
Title: Sustainability of Islamic Laws in Facing Global Challenges
- 10.00am – 10.30am : Break and Refreshment
- 10.30am – 11.30am : Main Paper III
Speaker: Prof. Datin Dr Noor Naemah Abdul Rahman
Title: Contemporary Ijtihad in Encountering Current Challenges
- 11.30am – 1.00pm : Paralell Session II
[Cube@Balai Ilmu, BS1, BS2, BS3 & Moot Court]
- 1.01pm – 2.00pm : Lunch and Zuhur Prayer
- 2.00pm – 3.00pm : Main Paper IV
Speaker: Dato' Prof. Dr. Mohd Zambri Zainuddin
Title: The Advancement of Science and Technology and Its Impact on the Development of Islamic Astronomy in Malaysia
- 3.00pm – 4.30pm : Paralell Session III
[Cube@Balai Ilmu, BS1, BS2, BS3 & Moot Court]
- 4.30pm – 5.15pm : Main Paper V
Speaker: Dato' Sheikh Hj. Abdul Halim bin Abd Kadir
Title: Changes in Current Islamic Rulings and the Role of Islamic Scholars in Society
- 5.15pm – 5.20pm : Presentation of Seminar Resolution by
Assoc. Prof Dr Mohd Anuar Ramli
- 5.20pm – 5.30pm : Closing Remarks by Dr Muhammad Ikhlas Rosele
- 5.30 pm : Tea/Disperse

PARALLEL SESSION II
Wednesday, 19 October 2022: 11.30a.m- 13.00p.m

Venue: CUBE Moderator: Dr. Shahidra binti Abdul Khalil	
1.	The Capacity of The 'Aqal and The Level of Severity of Symptoms of Mental Disorders: The Link Between The Case of Hibbān Bin Munqidh and The Psychiatric Assessment Scales Ahmad Mustafa Bin Surdi Roslan, Noor Naemah Binti Abdul Rahman & Abdul Halim Bin Ibrahim
2.	Kedudukan Taklif Dalam Pelaksanaan Ibadah Pesakit Kemurungan Nur Mardia binti Mazri, Saadan Man, Norhidayah binti Pauzi, Zubair bin Amir Nur Rashid
3.	The Usage Of Nanogold In Cosmetic Products For Men Based On Islamic Perspective , Nur Mardia Binti Mazri
4.	Hasutan Anti-Vaksin Covid-19 Menurut Undang-Undang di Malaysia: Analisis Berdasarkan Perspektif Syariah Shahidra Binti Abdul Khalil, Nurul Iman Surani, Raihana Abdul Wahab & Norhidayah Pauzi
5.	Pengendalian Kes Kanak-Kanak Tidak Terkawal Di Malaysia: Analisis Menurut Perspektif Syariah Siti Amalina Ahmad Khairundin, Shahidra Abdul Khalil, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar

Venue: ONLINE/Seminar Room 2 Moderator: PM Dr. Rahimin Affandi bin Abdul Rahim	
1.	Analisis Keupayaan Malaysia Melaksanakan Skim Pensijilan Makanan Halal Secara Wajib dan Menyeluruh: Perspektif Pengguna Ibrahim Bin Abu Bakar, Sa'adan Bin Man
2.	Kefahaman Maqasid Sebagai Pendekatan Menangani Masalah Buli Di Tempat Kerja: Satu Kajian Awal Muhammad Hisyam Mohamad, Wan Rosili Majid
3.	Keanggotaan Ahli Majlis Fatwa di Institusi-Institusi Fatwa di Malaysia Wan Mohd Yusof Wan Chik, Ahmad Iqbal Mohd Fadzli, Ahmad Faizol Ismail, Khiral Anuar Daud

4.	Pembentukan Indeks Muzium Patuh Syariah Di Malaysia: Satu Pengenalan Siti Maimunah binti Kahal, Hajar bin Opir, Rahimin Affandi bin Abdul Rahim, Amiratul Munirah binti Yahaya, Wan Yusnee binti Abdullah, Mohd Hapiz bin Mahaiyadin
5.	Relevansi Pandangan Hukum Kh. Abdul Hamid (W. 1352 H/1933 M.) Terhadap Kemajuan Zaman: Satu Analisis Terhadap Kitab Tarjuman Imamuddin, Abdul Karim bin Ali

Venue: ONLINE/Seminar Room 3 Moderator: Dr. Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi	
1.	Isu Penetapan Zon Waktu Solat di Malaysia : Analisis Terhadap Negeri-Negeri Yang Berkeluasan Maksimum Nurul Kausar Nizam , Muhammad Syazwan Faid , Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi Mohd Paidi
2.	Utilizing Data Science in Islamic Studies: Instances of Islamic Astronomy Muhamad Syazwan Faid, Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, Mohd Paidi Norman, Dani Irwan Masbah, Mohd Hafiz Mohd Saadon, Nurul Kausar Nizam
3.	Feasible Implementation of <i>Diyat</i> and <i>Arsh</i> Punishment in Brunei Hj Hardifadhillah bin Hj Mohd Salleh
4.	Probe into Shahādah Shahid as A Tool to Establish Evidence and Justice in Islamic Law of Evidence Hj Hardifadhillah bin Hj Mohd Salleh

Venue: Moot Court Moderator: Dr. Muhammad Safwan bin Harun	
1.	Analisis Perubahan Sosial Terhadap Konflik Keluarga dari Perspektif Maqasid Al-Shariah Muhammad Safwan Bin Harun, Aminun Nabil, Abdul Karim Ali, Azizi Che Seman
2.	Menghayati Nilai Kebertanggungjawaban Rumah Tangga dalam Menghadapi Cabaran Masa Kini Nor Dalilah Zakaria & Bahiyah Ahmad

3.	Perhubungan Suami Isteri Dalam Mendepani Konflik Semasa: Satu Kajian Pada Perspektif Islam Nur Faezah Musthapar & Bahiyah Ahmad
4.	Metodologi Hukum Aliran Deobandi di Malaysia Ahmad Zulkernain Che Age, Saadan Man
5.	Kuota Haji Dan Kesannya Terhadap Istita'ah Dalam Ibadah Haji Pasca Pandemik Di Malaysia Lokman Musa, Sa'adan Man

SEMINAR HUKUM ISLAM SEMASA PERINGKAT ANTARABANGSA KE-11 2022

18-19 OCTOBER 2022 | 21-22 RABIULAWAL 1444

UNIVERSITY OF MALAYA, KUALA LUMPUR

PENELITIAN TERHADAP TAHAP PENGETAHUAN DAN KESEDIAAN PENGGUNA DALAM MENERIMA PERLAKSANAAN SKIM PENSIJILAN HALAL MALAYSIA (SPHM) SECARA WAJIB DAN MENYELURUH



IBRAHIM ABU BAKAR - 1, 2
SA'ADAN BIN MAN - 1



1 Akademi Pengajian Islam, UM &
2 Kulliyah Sains Kesihatan Bersekutu,
UIAM




الإسلامية
Kulliyah Sains Kesihatan Bersekutu
UIAM

PENGENALAN



يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا
تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 168 yang bermaksud: Wahai sekalian manusia! makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan, kerana sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh yang terang nyata bagi kamu.



- Program Skim Pensijilan Halal Malaysia (SPHM) telah dilaksanakan di Malaysia sejak 46 tahun lalu.
- Ia bersifat sukarela.
- Bolehkah ianya diwajibkan?
- Wajib secara menyeluruh?
- Adakah pengguna bersetuju?



== Persoalan Kajian

(1) adakah pengguna secara keseluruhannya telah benar-benar memahami persoalan-persoalan berkaitan makanan halal?

(2) adakah pengguna telah bersedia menerima pelaksanaan SPHM secara wajib dan menyeluruh?

(3) adakah masyarakat bukan Islam di Malaysia telah bersedia?

(4) adakah program pendidikan tentang makanan halal sebelum ini mencukupi?

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap kefahaman dan kesediaan pengguna di Malaysia meliputi semua bangsa dan agama terhadap cadangan pelaksanaan SPHM secara wajib dan menyeluruh.



=



Kaedah Kajian


- Kajian dilakukan secara kuantitatif.
- Melibatkan pengguna di seluruh Malaysia.
- Pemilihan responden secara rawak berstruktur meliputi semua kumpulan pengguna di negeri dan zon serta meliputi semua bangsa dan agama utama.
- Data-data kajian dikumpul menggunakan borang soalselidik khusus dan dianalisa menggunakan perisian statistik SPSS 21.0 (Windows).



Hasil Kajian

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Negeri dan Zon-Zon di Malaysia



Negeri	Bilangan Responden	%	Zon Semenanjung Malaysia	Bilangan Responden	%
Perlis	32	3.7	Utara	165	18.9
Kedah	43	4.9			
Pulau Pinang	41	4.7			
Perak	49	5.6			
Selangor	149	17.0	Tengah	203	23.2
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	54	6.2			
Melaka	34	3.9	Selatan	141	16.1
Negeri Sembilan	36	4.1			
Johor	71	8.1			
Pahang	158	18.1	Timur	262	29.9
Perengganu	56	6.4			
Kelantan	48	5.5			
Sabah	59	6.7	Sabah & Sarawak	104	11.9
Sarawak	45	5.1			
Jumlah	875	100.0	Jumlah	875	100.0



- Seramai 875 orang responden terlibat dalam kajian ini.
- Taburan responden normal mengikut negeri dan zon.
- 59% perempuan dan 41% lelaki.
- Umur antara 17-81 tahun.
- Purata umur 35.8 tahun.
- 60.5% muslim & 39.5% non-muslim.

Kategori		Bilangan Responden	
		Bilangan Responden	%
Bangsa	Melayu	525	60.0
	Cina	246	28.1
	India	88	10.1
	Etnik Sabah	9	1.0
	Etnik Sarawak	7	0.8
Agama	Islam	529	60.5
	Budha	74	8.5
	Kristian	177	20.2
	Hindu	86	9.8
	Tiada Agama	9	1.0
Kategori Muslim/Non-	Muslim	529	60.5
	Non-Muslim	346	39.5

Tahap Kefahaman Responden



- Purata (mean) markah ialah 75.4% (tahap markah sederhana tinggi).
- Faktor negeri, jantina, status perkahwinan, keahlian dalam persatuan pengguna, pekerjaan atau pengajian semasa memberikan kesan yang sederhana besar kepada perbezaan markah kefahaman di kalangan responden.
- Faktor bangsa dan agama memberikan kesan yang besar kepada perbezaan markah kefahaman di kalangan responden.
- terdapat hubungan yang bererti dan berkadar lurus secara positif (positif linear correlation) di antara umur dan tahap kefahaman responden (tahap kekuatan 27%).

Analisa Jawapan Responden

- didapati ketidak-tepatan jawapan yang diberikan oleh responden, bukan hanya melibatkan soalan kefahaman teknikal / aras tinggi sahaja tetapi juga meliputi persoalan-persoalan kefahaman asas berkenaan hukum halal / haram ke atas makanan.
- Responden beragama Islam paling ramai tidak memahami dengan tepat (menjawab tidak tepat melebihi 40%) persoalan asas dalam soalan 1.iii

Jadual 3: Senarai Jawapan Tidak Tepat Mengikut Peraturan Paling Tinggi

No. Soalan	Soalan	Jawapan Tidak Tepat (%)	Ulasan
1.iii	Perintah memakan makanan halal adalah untuk orang-orang Islam sahaja.	71.5	Kefahaman asas
10.iv	Enzyme yang diekstrak daripada darah binatang yang halal dan disembelih mengikut hukum syarak adalah halal untuk digunakan dalam pembuatan makanan.	56.5	Kefahaman teknikal / aras tinggi
1.i	Makanan halal ialah makanan yang tidak mengandungi daging babi (pork free) sahaja.	48.7	Kefahaman asas
5.ii	Alkohol yang diperolehi bukan daripada arak haram digunakan.	42.4	Kefahaman teknikal / aras tinggi
10.ii	Protein yang diekstrak daripada bulu ayam yang disembelih mengikut hukum syarak haram digunakan.	40.3	Kefahaman teknikal / aras tinggi
9.iv	Penggunaan peralatan yang tidak bersih tidak mempengaruhi status makanan halal.	40.1	Kefahaman asas
1.v	Makanan syubhah ialah makanan yang sudah dapat dipastikan status halal atau haramnya.	39.7	Kefahaman asas
9.v	Minuman ringan dalam tin boleh disimpan di dalam peti sejuk yang sama yang menyimpan arak.	39.3	Kefahaman teknikal / aras tinggi
7.iii	Makanan yang mengandungi probiotik daripada sumber yang kurang jelas kehalalannya halal dimakan.	37.9	Kefahaman teknikal / aras tinggi
8.iv	Arak adalah najis Mughallazah.	36.8	Kefahaman teknikal / aras tinggi

- Responden non-muslim termasuk yang beragama Kristian, Budha dan Hindu pula paling ramai tidak memahami dengan tepat (menjawab tidak tepat melebihi 40%) hampir keseluruhan persoalan dalam soalan-soalan di atas kecuali soalan 9.v.



= Kesimpulan



- Hasil kajian ini secara umumnya menunjukkan tahap kefahaman responden terhadap persoalan yang berkaitan dengan hukum halal-haram makanan adalah memuaskan iaitu pada tahap sederhana tinggi.
- Ini menunjukkan tahap kesediaan pengguna dalam menerima program SPHM dalam bentuk yang wajib dan lebih menyeluruh adalah secara umumnya tinggi.
- Namun begitu secara terperinci terdapat perbezaan tahap kefahaman dan kesediaan secara bererti di kalangan pengguna mengikut kebanyakan faktor-faktor demografi yang diukur di mana faktor bangsa dan agama adalah paling besar mempengaruhi perbezaan tersebut.
- Tahap kefahaman dan kesediaan pengguna berbangsa Melayu adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap kefahaman dan kesediaan pengguna bangsa-bangsa lain.
- Kesalahan jawapan pengguna berkenaan hukum halal-haram makanan bukan hanya melibatkan soalan teknikal aras tinggi sahaja tetapi juga meliputi persoalan-persoalan kefahaman yang asas.

=

Rujukan



Terima Kasih

- Al-Quran Al-Karim
- Akta Perihal Dagangan (APD) 2011.
- Bennet, Gary and Mohamed Ismail, Risyawati (2017) Kajian terhadap keperluan dan pemahaman berkaitan produk makanan halal di Malaysia. In: Symposium on Technology Management & Logistics (STML-Go Green) 2016, 6th - 7th December 2016, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Malaysia.
- Noraishah P Othman, Nur Najwa Hanani binti Abd Rahman, Mohammad Naqib bin Hamdan, Hussein 'Azeemi bin Abdullah Thaidi (2020) Satu Tinjauan Tentang Kesedaran Halal Terhadap Mahasiswa UiTM Pasir Gudang, Johor, Prosiding Seminar 3rd International Seminar on Islam and Science 2020 (SAIS 2020)
- Covid-19: Implication, Impact and Solution, USIM, October 2020.
- Nor Aini Haji Idris & Mohd Ali Mohd Noor (2013 Analisis Keprihatinan Pengguna Muslim Terhadap Isu Halal-Haram Produk Melalui Pembentukan Indeks, Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) "Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju", Johor Bahru, 7-9Jun 2013.
- Siti Fatimah Hamidon (2016). "Pandangan Pengguna Muslim Terhadap Pemakaian Logo Halal JAKIM: Kajian di Sungai Besar, Selangor," (Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Zaimah, R.1, Abd Hair Awang, Sarmila, M.S., Suraiya Ishak, Azima, A. M., Suhana Saad & Mohd Yusof Hussain (2014) Malaysia sebagai pusat halal global: Satu penemuan awal mengenai persepsi halal dalam kalangan pengguna di Malaysia, Malaysian Journal of Society and Space, 10, 48 - 56.